

Kuala Lumpur

Kira-kira 1,000 anggota masyarakat Tionghoa di sekitar Kampung Sungai Mulia, Wangsa Maju di sini, meraikan Tahun Baharu Cina di Masjid Zaid Bin Harithah, semalam.

Mereka meraikan sambutan berkenaan pada Program Mahabbah Tahun Baru Cina @ Masjid Zaid Bin Haritsah anjuran Jawatankuasa Penduduk Kampung Sungai Mulia dan Kampung Lee Kong Chian bagi mengeratkan silaturahmi dalam kalangan mereka.

Pengerusi masjid berkenaan, Mohd Aizul Adnan berkata, sambutan yang julung kali diadakan itu sebahagian daripada pelbagai inisiatif bagi mengeratkan lagi perpaduan antara masyarakat Islam dan bukan Islam di kawasan sekitar.

Beliau antara lain berharap, penganjuran sambutan itu mampu memperkukuhkan jalinan silaturahmi, saling menghormati serta membantu dalam kalangan penduduk, sekali gus memberi manfaat kepada semua pihak.

Selain itu, katanya, jawatankuasa masjid bercadang menjadikan penganjuran sambutan itu sebagai acara tahunan, selain berharap konsep berkenaan diperhebat serta diperluaskan ke masjid di kariah lain.

"Masjid boleh dijadikan tempat perhimpunan masyarakat berbilang kaum dan agama, selagi ia tidak bercanggah serta bertentangan syariat Islam.

"Selagi penganjuran program seperti ini berlangsung dalam keadaan baik dan mengikut ajaran, maka tidak menjadi masalah bahkan menguar-uarkan serta berkongsi mengenai keindahan Islam kepada kaum dan agama lain," katanya.

Sambutan itu turut dihadiri Ahli Parlimen Wangsa Maju Zahir Hassan, Pegawai



ZAHIR (tiga dari kanan) dan Mohd Aizul (empat dari kanan) dirai dengan tarian singa di pekarangan Masjid Zaid Bin Harithah pada Program Mahabbah Tahun Baharu Cina.

GONG XI FA CAI DI MASJID

(29 JANUARY 2023) MUM . P18

*Penduduk Kampung Sungai Mulia rai
Tahun Baru Cina dalam suasana muhibbah*



MASYARAKAT Tionghoa Kampung Lee Kong Chian meninjau mimbar di Masjid Zaid Bin Harithah pada Program Mahabbah Tahun Baharu Cina. - Gambar NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

Tadbir Agama Zon 2 Jawi Mohd Abd Nasir Abdullah dan Ketua PKR Cabang Wangsa Maju Andre Ch Lai.

Mengulas penerimaan penduduk sekitar, Mohd Aizul berkata, penganjurannya menerima maklum balas positif dalam kalangan orang ramai, sekali gus menjadi platform mengeratkan silaturahmi.

"Kami sudah lama tidak menganjurkan acara yang mampu mengumpulkan penduduk dalam skala besar, selain diakui ramai agak sedikit renggang akibat pemodenan.

"Mereka akui sambutan ini kembali mengeratkan hubungan, selain mengimbau kenangan membesar bersama dalam kawasan ke-

jiranan pelbagai kaum sejak dahulu lagi," katanya.

Sementara itu, Andre berkata, keamanan dan keharmonian di Malaysia wajar dikekalkan, sekali gus menjadi contoh kepada seluruh dunia, selain menerangkan kepada orang ramai mengenai keterbukaan masyarakat majmuk di negara ini.

Beliau berkata, perbezaan agama, budaya, adat dan perayaan tidak seharusnya menjadi penghalang menjalin hubungan baik sesama kaum.

"Apabila hidup dalam masyarakat berbilang kaum dalam satu negara, kita perlu membina jambatan, bukan tembok pemisah.

"Malah, masyarakat Tionghoa di sini, sering mengundang orang Melayu dalam pelbagai sambutan diadakan dan kami menjemput mereka menghadiri sambutan Chap Goh Mei pada 5 Februari ini," katanya.